

10 MAY 2004

UUM ANJUR SIRI SIMPOSIUM PEMIKIRAN TUN DR MAHATHIR

ALOR STAR, 10 Mei (Bernama) -- Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Biro Tatanegara serta Kementerian Belia dan Sukan akan menganjurkan Siri Simposium Berkala 11 Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad (IPTDMM) di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, Bangi, Selangor, Khamis ini.

Simposium dari pukul 8.15 pagi hingga 5 petang itu akan dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said, menurut satu kenyataan daripada Penolong Pengarah (Perhubungan Awam) UUM, Suraya Deraman di sini hari ini.

Tema "Belia dan Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad" dipilih untuk simposium berkenaan yang antara lain bertujuan untuk mengabadikan idea-idea yang telah dicetus oleh bekas Perdana Menteri berkenaan kepada pegawai kerajaan, swasta serta pelajar-pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi (IPT).

Selain itu, simposium terbabit juga bertujuan mempergiatkan aplikasi idea-idea bagi meningkatkan kemanfaatnya kepada agama, bangsa dan negara serta mendokumentasikan siri simposium.

Majlis penutupan simposium itu dijangka akan disempurnakan oleh Ketua Pengarah Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Nordin Kardi.

-- BERNAMA  
NAR MAN AZH